

Malaysia sedia peruntuk lebih banyak pelaburan

UM 18 SEP 2003

KUALA LUMPUR 17 Sept. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, Malaysia sedia memperuntukkan lebih banyak pelaburan bagi meningkatkan kemudahan pelabuhan di negara ini.

Menurut Perdana Menteri, industri perkapalan membawa pulangan besar kepada negara dan kerajaan sentiasa mengalu-alukan kemasukan lebih banyak pelabur asing dalam bidang itu.

“Malaysia telah lama berkecimpung sebagai negara perdagangan sejak sekian lama,” katanya ketika berucap pada majlis Makan Malam Maritim Antarabangsa, di sini malam ini.

Turut hadir ialah isterinya Datin Seri Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali; Menteri Pe-

ngangkutan, Datuk Chan Kong Choy dan Pengerusi Majlis Pengendali Kontena Antarabangsa (ICCO), Ray Miles.

Menurut Dr. Mahathir, Malaysia terus berkembang pesat dan kini merupakan negara perdagangan ke-18 dunia dengan nilai dagangan berjumlah RM684 bilion setahun.

Keadaan itu berbeza ketika negara belum mencapai kemerdekaan apabila hasil negara lebih banyak dieksport ke luar negara menerusi Singapura, katanya.

Beliau berkata, ketika itu British membina landasan keretapi ke Singapura menyebabkan kos eksport negara menerusi pulau itu lebih rendah berbanding menggunakan Pelabuhan Klang.

“Bagaimanapun, selepas merdeka kita menyedari bahawa industri perkapalan ini membawa banyak manfaat kepada ekonomi dan oleh itu kita mahu menggunakan sendiri pelabuhan di negara kita,” katanya.

Dr. Mahathir berkata, sebuah majalah antarabangsa, *Times* pernah mengkritik Pelabuhan Rotterdam di Belanda kerana melabur banyak wang untuk membangunkan pelabuhan negara itu.

Menurutnya, majalah berkenaan ketika itu mendakwa bahawa industri kontena tidak akan berkembang.

Namun dakwaan itu ternyata meleset apabila sektor berkenaan terus menunjukkan perkembangan pesat sebagaimana terbukti pada masa kini.

Dr. Mahathir berkata, perkembangan pesat industri perkapalan negara terbukti apabila jumlah kontena dikendalikan oleh pelabuhan di Malaysia ketika ini hampir 10 juta setahun berbanding hanya kira-kira dua juta, 10 tahun lepas.

Berikutan itu, katanya, Malaysia akan terus membina pelbagai kemudahan di pelabuhan-pelabuhan untuk menarik lebih banyak syarikat perkapalan ke negara ini.

“Jadi, saya harap anda semua akan memilih untuk datang ke Malaysia kerana kita menyediakan pelabuhan yang memiliki banyak kemudahan serta kadar bayaran berpatutan,” jelasnya.